

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 4/2006**

=====

**KUASA YANG BOLEH DIAMALKAN OLEH PEGAWAI-PEGAWAI DI
SEMUA PEJABAT TANAH DAN DAERAH (PTD) NEGERI SELANGOR
SEBAGAI MAJISTRET KELAS SATU *EX OFFICIO* DAN DIWARTAKAN
SEBAGAI MAJISTRET KELAS DUA**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pejabat Tanah dan Daerah di Negeri Selangor tentang kuasa yang boleh diamalkan oleh pegawai-pegawai yang bertindak sebagai Majistret Kelas Satu *ex-officio* dan yang diwartakan sebagai Majistret Kelas Dua.

2. LATAR BELAKANG

Selama ini tiada sebarang garis panduan atau arahan yang telah dikeluarkan kepada semua Pejabat Tanah Daerah mengenai apakah kuasa yang boleh diamalkan oleh pegawai-pegawai yang bertindak sebagai Majistret Kelas Satu *ex-officio* dan yang telah diwartakan sebagai Majistret Kelas Dua. Justeru itu, Pejabat Tanah dan Galian Selangor telah mengambil inisiatif untuk membuat kajian mengenai hal ini dan telah mengadakan beberapa perbincangan dan mesyuarat dengan Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor khusus untuk menetapkan apakah kuasa Majistret Kelas Satu *ex-officio* dan Majistret Kelas Dua yang sesuai untuk diamalkan oleh pegawai di Pejabat Tanah Daerah walaupun kuasa sebagai Majistret Kelas Satu *ex-officio* dan Majistret Kelas Dua telah dinyatakan di dalam Akta Mahkamah Rendah, 1948.

3. KUASA YANG BOLEH DIAMALKAN OLEH MAJISTRET KELAS SATU EX-OFFICIO DAN MAJISTRET KELAS DUA DI KALANGAN PEGAWAI DI PEJABAT TANAH DAERAH

Kuasa Majistret Kelas Satu *ex-officio* dan Majistret Kelas Dua berdasarkan Akta Akuan Berkanun, 1960 dan Akta Mahkamah Rendah, 1948 adalah seperti berikut:

3.1 Membuat penyaksian ke atas Surat Akuan Berkanun (*Statutory Declaration*).

Tatacara berkaitan penggunaan cop untuk menyaksikan Surat Akuan Berkanun

- (i) Pegawai hanya perlu menggunakan cop nama dan jawatannya di pejabat tanah masing-masing untuk menyaksikan atau menandatangani apa-apa dokumen di atas kuasanya sebagai Majistret Kelas Satu *ex-officio* atau Majistret Kelas Dua.
- (ii) Pegawai tidak boleh menggunakan apa-apa cop yang tertera perkataan “Majistret Selangor” yang dibuat sendiri. Cop “Majistret” hanya boleh digunapakai bagi Majistret di Mahkamah yang telah digazetkan sahaja.

3.2 Mendengar dan memutuskan urusan permohonan perintah tahanan (*remand*) serta menandatangani dokumen berkaitan dengan perintah tahanan tertakluk kepada Seksyen 117, Kanun Prosedur Jenayah dan Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bil. 3/2003 – Perintah Penahanan di bawah Seksyen 117, Kanun Prosedur Jenayah, yang berkuat kuasa bermula 2 Januari 2003.

Tatacara berkaitan urusan permohonan perintah tahanan (*remand*)

- (i) Pegawai mesti membaca salinan catatan harian (*investigation diary*) yang telah disediakan oleh pegawai penyiasat (*investigation officer*) terlebih dahulu dan membuat pertimbangan yang wajar sama ada perintah tahanan patut diberikan atau tidak:

- (a) Jika pertuduhan ke atas suspek dan maklumat jenayah yang dilakukan adalah berasas, perintah tahanan boleh diberikan **tidak melebihi 3 hari sahaja. Majistret Kelas hanya boleh mendengar, menimbang dan memutuskan perintah tahanan untuk kali pertama sahaja bagi satu-satu kes dan tidak boleh memberikan perintah tahanan lanjutan.**
 - (b) Sekiranya perintah tahanan tersebut perlu dilanjutkan, pegawai polis yang berkenaan hendaklah mengemukakan suspek di hadapan Majistret Daerah itu atau mana-mana Majistret yang berhampiran.
 - (c) Sekiranya pertuduhan ke atas suspek dan maklumat jenayah yang dilakukan adalah tidak berasas, suspek boleh dilepaskan atau diberikan jaminan.
- (ii) Pegawai mesti menyediakan satu buku rekod untuk dicatatkan butiran perintah tahanan dan sebab-sebab penahanan / pelepasan / jaminan diberikan kepada suspek serta menyimpannya dengan baik untuk tujuan semakan pada bila-bila masa jika diperlukan. Contoh buku rekod dilampirkan bersama pekeliling ini.
 - (iii) Pegawai hanya perlu menggunakan cop nama dan jawatannya di pejabat tanah untuk menandatangani borang perintah tahanan di atas kuasa sebagai Majistret Kelas Satu *ex-officio* atau Majistret Kelas Dua. Pegawai penyiasat akan mendapatkan cop daripada Mahkamah ke atas borang perintah tahanan, jika perlu.

4. **TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling ini akan berkuatkuasa mulai tarikh semasa.

5. **PEMAKAIAN**

Pekeliling ini terpakai kepada semua pegawai di Pejabat Tanah Daerah yang bertindak sebagai Majistret Kelas Satu ex-officio dan pegawai yang layak diwartakan sebagai Majistret Kelas Dua.

T.T

(ZOAL AZHA BIN YUSOF)

Pengarah Tanah dan Galian,
Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh : 25 JULAI 2006

**CONTOH BUKU DAFTAR UNTUK PERMOHONAN PERINTAH TAHANAN (REMAND)
DI BAWAH SEKSYEN 117 KANUN PROSEDUR JENAYAH UNTUK DIGUNAPAKAI
OLEH MAJISTRET KELAS SATU EX-OFFICIO DAN MAJISTRET KELAS DUA DI
KALANGAN PEGAWAI-PEGAWAI PEJABAT-PEJABAT TANAH DI SELANGOR**

Bil Fail	Tarikh	Pegawai Penyiasat (IO)	Seksyen	Butiran Saspek	Tarikh Reman	Keputusan dan Sebab-sebab

*UNDANG-
UNDANG
MALAYSIA*

**KANUN
PROSEDUR JENAYAH
(AKTA 593)**

(HINGGA 10HB NOVEMBER 1999)

ILBS

International Law Book Services

117. Prosedur jika penyiasatan tdak boleh diselesaikan dalam tempoh dua puluh empat jam.

[Pindaan akta
A324]

(1) Apabila seseorang ditangkap dan ditahan dalam kurungan, dan nampaknya penyiasatan tidak dapat dihabiskan dalam tempoh 24 jam sebagaimana yang ditetapkan oleh seksyen 28, dan ada sebab-sebab untuk mempercayai bahawa tuduhan atau maklumat itu adalah berasas, maka hendaklah pegawai polis yang menjalankan penyiasatan itu dengan segera menghantarkan satu salinan catan harian yang ditetapkan kemudian kelak mengenai kes itu dan bersama-sama itu juga hendaklah menghantarkan orang yang tertuduh itu di hadapan Majistret itu.

2) Apabila mana-mana Majistret di hadapannya orang yang tertuduh itu dibawa di bawah seksyen ini, sama ada mempunyai bidangkuasa ataupun tidak untuk membicarakan kes itu bolehlah ia dari masa ke semasa memberikan kuasa untuk menahan orang yang dituduh itu di dalam mana-mana tahanan yang Majistret itu fikirkan patut untuk tidak lebih daripada lima belas hari pada kesluruhannya. Jika ia tidak berkuasa membicarakan kes itu dan berpendapat bahwa tiada faedah ditahan orang yang dituduh itu maka hendaklah ia menyueruh hantarkannya ke hadapan Majistret yang berkuasa membicarakan yang dituduh itu, atau, jikalau kes hanya boleh dibicarakan di Mahkamah Tinggi, di hadapannya atau Majistret yang lain yang berkuasa membicarakannya dengan tujuan komital untuk dibicarakan oleh Mahkamah Tinggi.

(3) Seseorang Majistret yang memberi kuasa di bawah seksyen ini bagi menahan mana-mana orang di dalam tahanan polis, hendaklah merekod sebab-sebab yang ia berbuat demikian.

KETUA HAKIM NEGARA

